

Bazar Ramadan lebih teratur, bersih di bawah seliaan DBKL

Oleh FARISYA AKHTAR

PETALING JAYA – Pengurusan bazar Ramadan di Wangsa Maju diuruskan sepenuhnya oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memastikan tiada ruang bagi pengusaha menjual tapak pada harga 'kayangan'.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa berkata, sewa tapak ditawarkan pada harga RM500 termasuk RM200 sebagai cagaran yang akan dipulangkan jika peniaga mematuhi semua syarat dan peraturan.

Katanya, ini bermakna, peniaga hanya membayar sewa RM300 sahaja untuk tempoh sebulan berniaga.

"Ada segelintir pihak membuat aduan mengenai harga petak bazar Ramadan yang boleh mencecah sehingga ribuan ringgit sehingga peniaga kecil terhimpit dan terpaksa menanggung beban kos yang tinggi.

"Hasil risikan, sebelum ini ada peniaga yang sewa petak bazar kendalian pihak ketiga lebih dari satu petak. Kemudian mereka 'alibaba'kan petak tersebut dengan harga yang tinggi kepada orang tempatan yang memang mahu berniaga pada bulan Ramadan.

"Yang menjadi mangsa adalah peniaga dan penjaja kecil setempat," katanya di akaun TikTok ketika membuat tinjauan di bazar itu.

Menurut Zaliha, dia berpuas hati dengan keadaan bazar di situ dengan rata-rata pengunjung memuji pengurusan kawasan itu yang lebih teratur dan kemas pada tahun ini.



TANGKAP layar video Dr. Zaliha ketika membuat tinjauan di Bazar Ramadan Wangsa Maju, Kuala Lumpur.

Katanya, dia turut membawa pegawai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bagi memeriksa harga jualan.

"Apa yang kita lakukan ini adalah untuk kebaikan semua pihak. Matlamatnya jelas, iaitu untuk memberi peluang yang adil kepada peniaga kecil dan mengelakkan daripada dimanipulasi pihak-pihak tertentu. Pada masa sama memastikan tata kelola yang baik diamalkan," katanya.

Netizen turut memberi komen positif di laman TikTok Zaliha dengan mengatakan tapak bazar Ramadan kini diuruskan dengan lebih baik untuk kebaikan semua pihak.